

# Bonus tambahan setengah bulan gaji 950,000 kakitangan awam

UM 13 SEP 2003

KUALA LUMPUR 12 Sept. — Kira-kira 950,000 kakitangan awam akan menerima bonus tambahan setengah bulan gaji lagi menjadikan bayaran bonus yang diterima pada tahun ini sebanyak satu bulan gaji.

Bayaran bonus itu diberikan dengan mengambil kira kedudukan ekonomi yang bertambah baik, peningkatan produktiviti dan mengahargai jasa kakitangan awam.

Perkara itu diumumkan oleh Perdana Menteri yang juga Menteri Kewangan, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad semasa membentangkan Bajet 2004 di Dewan Rakyat hari ini.

Perdana Menteri berkata, pemberian bonus itu membuktikan keyakinan kerajaan kepada anggota perkhidmatan awam akan terus memberi perkhidmatan awam yang cemerlang dan komited sepenuhnya terhadap tugas dan tanggungjawab mereka.

Ketika membentangkan

Pakej Strategi Baru Ekonomi Mei lepas, kerajaan memberi bonus setengah bulan gaji kepada kakitangan perkhidmatan awam bertujuan membantu meningkatkan pendapatan boleh guna rakyat.

Selain bayaran bonus itu, kerajaan akan memanjangkan faedah pencen terbitan dan bayaran gratuiti kepada ibu bapa anggota perkhidmatan awam yang meninggal dunia sebelum bersara tanpa pewaris.

Pada masa yang sama, kerajaan turut memanjangkan kemudahan rawatan perubatan percuma kepada bekas anggota pasukan Sarawak Rangers dan isteri serta isteri bekas anggota Force 136 dan British Army.

Golongan ini juga turut menikmati kemudahan rawatan kadar caj wad sama seperti

keluarga bekas anggota simpanan pasukan tentera apabila kerajaan bersetuju memanjangkan kemudahan tersebut kepada mereka.

Dr. Mahathir berkata, kerajaan juga mengambil perhatian kepada isu sistem penyampaian sektor awam dan usaha untuk memperbaiki masalah itu sedang dilaksanakan supaya pelaksanaan dasar dan strategi pembangunan negara berjalan lancar.

“Proses memberi kelulusan, pengeluaran permit dan lesen serta CFO akan diperkemas dan dipercepatkan,” kata Dr. Mahathir.

Usaha itu, kata Dr. Mahathir dilaksanakan menggunakan kemudahan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) dengan memperkenalkan e-government.

Katanya, sejajar dengan usaha itu, Kementerian Kewangan sudah memperkenalkan perkhidmatan e-perolehan, e-SPKB dan e-stamping.

Beliau berkata, proses pengeluaran paten dan hak cipta akan disegerakan dengan menambah bilangan kakitangan yang berkemahiran.